

Setiausaha Agung OIC Ingatkan Tentang Ekstremisme, Keganasan Meningkat Di Dunia Islam
Bernama
5 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Setiausaha agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ekmeleddin Ihsanoglu mengingatkan tentang fenomena ekstremisme dan keganasan yang makin meningkat di dunia Islam, sambil menyeru negara anggota berganding bahu untuk menghapus ekstremisme.

Beliau menarik perhatian negara anggota terhadap Program Tindakan 10-tahun yang diluluskan pada Sidang Kemuncak Islam Luar Biasa Ketiga di Mekah pada 2005, yang menyarankan kesederhanaan, kata OIC dalam kenyataan.

Dalam kenyataannya pada sesi pembukaan mesyuarat Menteri Luar di Kaherah pada Isnin, yang mendahului Sidang Kemuncak Islam ke-12, Ihsanoglu juga menyentuh cabaran yang dihadapi dunia Islam, terutama dalam isu Palestin, dan dalam hal ini, menggesa penentuan strategi jelas dalam mempertahankan Al-Quds.

Mengenai sidang kemuncak itu, beliau berkata ia diadakan pada saat-saat kritikal bagi dunia Islam, dan menekankan perlunya perpaduan Islam sebagaimana digariskan dalam Program Tindakan itu dan Piagam OIC.

Setiausaha agung itu berkata pertubuhan 57-negara anggota itu telah menjadi rakan aktif di sidang antarabangsa dan penggiat penting dalam isu-isu Islam.

Bagaimanapun, aktiviti OIC boleh maju seterusnya jika ia mendapat sokongan lebih besar negara anggota.

Sementara itu, Ihsanoglu mengulangi dasar setiakawan OIC dengan Mali yang bermasalah itu dan menyokong usaha ke arah melindungi kedaulatannya.

Ihsanoglu berkata beliau menemui Duta Khas mengenai Mali, Djibril Bassolle, di Kaherah pada Ahad dan berbincang mengenai mesyuarat tergepar jawatankuasa eksekutif pada pagi Sidang Kemuncak itu pada Rabu.

Menurut laporan, kerajaan-kerajaan dan organisasi antarabangsa bermesyuarat pada Selasa di Brussels bagi mencari jalan memperkukuh kedudukan tentera menentang pemberontak di bahagian utara Mali dengan menyokong demokrasi, pembangunan ekonomi dan hak asasi manusia di negara itu yang merupakan antara negara paling miskin di dunia.

Perkembangan pesat dicapai tentera Perancis dan Mali dalam mengusir pemberontak berkenaan dari bandar-bandar utama bahagian utara Mali telah mengubah fokus diplomatik ke arah menentukan keselamatan berkekalan di sana, di samping menangani masalah kemiskinan dan politik yang menyumbang kepada ketidakstabilan Mali, kata laporan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926303>